

Sikap dan Masalah Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu

A. Jailani Che Abas, Mohd Asri Abdul Razak & Suzilla Wati Bronson*

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, 27200 Kuala Lipis, Pahang, Malaysia

ABSTRAK

Secara umumnya, sikap merupakan unsur yang akan mempengaruhi kepada tingkah laku dan tindakan seseorang terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Kajian mendapati bahawa pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran bagi kursus teras Bahasa Melayu menunjukkan sikap yang positif dengan purata min skor ($\mu=3.99$). Pelajar bukan Melayu IPGKTAA juga menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Majoriti pelajar bukan Melayu IPGKTAA bersetuju bahawa mereka masih perlu mengikuti kursus dalam bidang pedagogi bahasa. Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar bukan Melayu IPGKTAA ialah pengaruh dialek atau gangguan bahasa ibunda. Pelajar bukan Melayu IPGKTAA juga berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan prasarana, iaitu rangkaian internet kurang memuaskan dengan purata min skor ($\mu=4.00$). Jumlah peserta yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 92 orang pelajar bukan Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan melibatkan kaedah tinjauan deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu adalah tinggi ($\mu=3.99$, S.P.=0.458) dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu ($\mu=3.493$, S.P.=0.722).

Kata Kunci: Bahasa Melayu, Sikap, Pelajar Bukan Melayu, Masalah

ABSTRACT

This study aims to identify the level of attitudes and challenges among the non-Malay students in IPGKTAA in the learning of major Malay Language course. The total population for this study is 92 non-Malay students who are studying in Teacher Education Institute, Tengku Ampuan Afzan Campus (IPGKTAA). This study applies a quantitative research design by utilizing a descriptive survey method. The results highlighted that the non-Malay students demonstrated positive attitudes with an average mean score ($\mu = 3.99$) towards the learning of major Malay Language course. They also displayed a strong commitment to the same learning aspect. Majority of the respective students agreed that they still need to attend language pedagogy courses. Their main challenge is the influence of their dialect or mother tongue interference. Besides that, the non-Malay students also decided on the unsatisfactory internet network with an average mean score ($\mu = 4.00$). The overall results showed that the non-Malay students' attitude in learning major Malay Language course in IPGKTAA is high ($\mu = 3.99$, S.D. = 0.458) and their challenges in learning major Malay Language course in IPGKTAA are medium ($\mu = 3.493$, S.D. = 0.722).

Keywords: Malay Language, Attitude, Student Non-Malays, Problems

PENGENALAN

Umumnya mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melakukan pelbagai usaha bagi memartabatkan Bahasa Melayu, antaranya dengan menyediakan guru Bahasa Melayu yang mencukupi di semua sekolah rendah dan menengah. Selain itu, KPM juga berusaha untuk meningkatkan infrastruktur dan bahan sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (KPM, 2017). Melalui hebahan mengenai tawaran mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) seluruh negara bagi pelajar yang layak telah membuktikan bahawa KPM bersungguh-sungguh ingin

* Corresponding author: bronsonsuzillawati@gmail.com
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

memertabatkan Bahasa Melayu kerana sentiasa memberi peluang dan latihan kepada bakal guru mengikut bidang pengkhususan masing-masing.

Sebagai contoh, pengkhususan Bahasa Melayu di seluruh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dibuka kepada tiga jenis sekolah, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Tawaran mengikuti PISMP Bahasa Melayu adalah terbuka kepada semua calon yang berumur 18 tahun sehingga 20 tahun yang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta ujian kelayakan calon guru (UKCG). Meskipun Bahasa Melayu telah diwartakan sebagai bahasa kebangsaan namun masih ada individu yang kurang menguasai Bahasa Melayu terutamanya bagi penutur bukan jati. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tentang sikap dan masalah pelajar bukan Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu bagi mengetahui sejauh mana pelajar bukan Melayu IPGKTAA telah menguasai Bahasa Melayu sebagai persediaan sebelum menjawat jawatan sebagai guru pengkhususan Bahasa Melayu di sekolah penempatan masing-masing.

PERNYATAAN MASALAH

Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa murid bukan Melayu mempunyai sikap yang negatif dan kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu (Zamri & Mohamed Amin Embi, 2006 dan Nancy Ngumbang, 2017). Manakala, kajian Abdul Rashid (2010) dan Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) mendapati murid kaum Cina tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap penggunaan Bahasa Melayu. Ekstralinguistik merupakan faktor-faktor yang dikaitkan dengan peningkatan prestasi pembelajaran bahasa bagi seseorang (Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri, 2018) dalam kajian yang bertajuk "Motivasi dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (*Junior One Loyalty*), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua". Bukan itu sahaja, dapatan kajian juga menyatakan sikap juga merupakan faktor yang menjadi pendorong kepada murid untuk belajar sesuatu bahasa. Bahasa Melayu adalah bahasa kedua pelajar Cina memandangkan bahasa Cina merupakan bahasa pertama mereka yang mula dikuasai mereka sejak berusia 18 bulan seperti yang dinyatakan oleh (Elliot, 1987; Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam, 2017) melalui kajian yang bertajuk "Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua". Dalam kajian ini, didapati bahawa jika aspek pembelajaran bahasa kedua tidak diberi perhatian, bahasa Cina yang dikuasai secara tidak formal sejak kecil akan menyebabkan murid Cina terpengaruh dengan penggunaan nahu bahasa Cina ketika mempelajari bahasa lain, khasnya dalam Bahasa Melayu.

Masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu masih berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah hingga peringkat pengajian tinggi. Masalah berkaitan pelajar Cina kurang menguasai Bahasa Melayu disokong dengan hujah Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam (2017) dalam kajian "Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua". Kajian ini menyatakan jika aspek pembelajaran bahasa kedua tidak diberi perhatian, bahasa Cina yang dikuasai secara tidak formal sejak kecil akan menyebabkan murid Cina terbawa-bawa nahu bahasa Cina sewaktu mempelajari bahasa lain, misalnya Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, masalah pelajar bukan Melayu yang kurang menguasai Bahasa Melayu diberi penekanan sebagai permasalahan kajian ini. Malah, penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh pelajar bukan Melayu penting kerana Bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Melihat pada keperluan ini, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Dapat disimpulkan, pelajar bukan Melayu yang kurang menguasai Bahasa Melayu akan menunjukkan sikap negatif seperti enggan menggunakan Bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi serta akan mendorong kepada masalah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Tinjauan terhadap kedua-dua aspek ini akan diukur dari perspektif persepsi pelajar bukan Melayu PISMP Bahasa Melayu semester lapan, semester enam, semester empat dan semester dua. Sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu bererti kepercayaan atau kecenderungan tingkah laku pelajar yang mempunyai dimensi penilaian terhadap pembelajaran mata pelajaran tersebut. Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 – 2025 memaparkan Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara yang diperakukan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan pindaan tahun 1967 [Akta 32] (KPM, 2017). Bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi yang digunakan dalam pelbagai bidang. Selain itu, bahasa juga berperanan sebagai wadah pembentukan akal dan fikiran, pembangunan ekonomi dan politik sesebuah negara, serta perkembangan agama dan kesusasteraan. Oleh yang demikian, KPM melalui Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Tahun 4 telah menggariskan matlamat yang menyatakan Bahasa Melayu sekolah rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh

berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian (KPM, 2017).

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji, iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.
- ii. Mengenal pasti masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

Persoalan kajian diberikan seperti berikut:

- i. Apakah tahap sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu?
- ii. Apakah masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan untuk mengenal pasti sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Menurut Chua Yan Piaw (2012) dan Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017), kajian kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data berlandaskan tanggapan bahawa setiap kejadian, peristiwa, atau fenomena dapat dijelaskan melalui pengukuran elemen-elemen terkait fenomena tersebut.

Populasi dan Sampel Kajian


Dalam kajian ini, bilangan sampel kajian terdiri daripada 92 orang pelajar bukan Melayu IPGKTAA daripada PISMP pengkhususan Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think” (Krejcie & Morgan, 1970; Fadilla Layang & Zamri Mahamad, 2019). Manakala, soal selidik dipilih sebagai instrumen utama dalam kajian ini kerana sifatnya yang boleh memberikan data yang luas melalui populasi yang besar (Neuman, 1997; Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari, 2019). Soal selidik merupakan salah satu cara yang penting bagi penelitian kuantitatif untuk mengumpulkan data dan maklumat bahasa daripada komuniti yang dikaji.

Instrumen Kajian

Soal selidik berskala likert 5 mata yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Chew Fong, Shashipriya, Mohd Mahzan, Abdul Razaq & Mohd Muhaimi (2014) dan Siti Zahidah & Abdull Sukor Shaari (2019). Set soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A terdiri daripada demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, pekerjaan keluarga, keputusan SPM, tempat tinggal dan bahasa pertuturan di rumah. Bahagian B menumpukan kepada komponen sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Bahagian B ini mempunyai 11 item berskala likert 5 mata yang diadaptasi daripada kajian Chew Fong dan Shashipriya (2014) dan Siti Zahidah & Abdull Sukor Shaari (2019) Manakala, terdapat 15 item soal selidik bahagian C berskala Likert 5 mata yang diadaptasi dan diubah suai daripada Chew Fong, Shashipriya, Mohd Mahzan, Abdul Razaq dan Mohd Muhaimi (2014) dan Siti Zahidah & Abdull Sukor Shaari (2019).


Kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang pelajar Melayu IPGKTAA dengan nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* 0.864, dan berada pada skor baik dan boleh diterima. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar di IPGKTAA yang terletak di Kuala Lipis Pahang. Kajian dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik dalam bentuk *Goggle Form*. Setelah mendapat data, kaedah menganalisis data-data dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23.0.

Analisis Data




Rajah 1: Analisis Responden Mengikut Jantina

Rajah 1 menunjukkan responden kajian yang terdiri daripada 92 orang pelajar bukan Melayu PISMP Bahasa Melayu. Daripada jumlah itu, 20 orang (21.7%) adalah pelajar lelaki manakala bakinya seramai 72 orang (78.3%) adalah pelajar perempuan.




Rajah 2: Analisis Responden Mengikut Umur

Berdasarkan Rajah 2, majoriti pelajar bukan Melayu IPGKTAA PISMP Bahasa Melayu terdiri daripada kelompok umur 21 hingga 23 tahun, iaitu seramai 63 orang (68.5%). Seterusnya, seramai 29 orang (31.5%) pelajar bukan Melayu IPGKTAA berumur antara 18 hingga 21 tahun. Hal ini kerana, syarat kelayakan mengikuti PISMP adalah bermula daripada lingkungan umur 18 tahun iaitu selepas tamat SPM dan sehingga calon yang layak memohon berumur tidak melebihi 20 tahun. Tambahan pula, pelajar bukan Melayu yang berumur 18 hingga 23 tahun merupakan pelajar yang sedang mengikuti PISMP selama lima tahun pengajian dalam pengkhususan Bahasa Melayu.




Rajah 3: Analisis Responden Mengikut Bangsa

Rajah 3 menunjukkan, kaum peribumi merupakan kumpulan responden yang paling ramai kerana mempunyai seramai 47 orang pelajar dengan peratusan kaum peribumi iaitu (51.1%) diikuti dengan pelajar bangsa Cina seramai 28 orang pelajar dengan peratusan (30.4%) dan seterusnya pelajar berbangsa India pula adalah seramai 17 diikuti dengan (18.5%). Bangsa responden yang dipilih bersesuaian kerana bangsa yang dinyatakan di atas merupakan pelajar bukan Melayu PISMP pengkhususan Bahasa Melayu IPGKTAA, Kuala Lipis Pahang.




Rajah 4: Analisis Responden Mengikut Pekerjaan Keluarga

Rajah 4 menunjukkan peratus responden berdasarkan pekerjaan keluarga yang terlibat dalam kajian ini. Antara pekerjaan keluarga pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam kajian ini ialah tergolong dalam kalangan pekerjaan bekerja sendiri. Hal ini kerana, seramai 49 orang pelajar bukan Melayu memilih pekerjaan keluarga sebagai bekerja sendiri dengan peratusan sebanyak 53.3%. Selanjutnya, seramai 22 orang pelajar bukan Melayu lahir dalam pekerjaan keluarga daripada sektor swasta dengan peratusan 23.9%. Seterusnya, seramai 21 orang pelajar bukan Melayu memilih pekerjaan keluarga daripada sektor kerajaan dengan peratusan 22.8%. Berdasarkan rajah 4, didapati peratusan dan kekerapan responden daripada pekerjaan keluarga yang bekerja sendiri ialah lebih tinggi berbanding pekerjaan daripada sektor swasta dan sektor kerajaan. Hal ini kerana pelajar bukan Melayu IPGKTAA mempunyai latar belakang kehidupan yang berbeza mengikut taraf hidup masing-masing.




Rajah 5: Analisis Responden Mengikut Keputusan SPM

Rajah 5 memaparkan peratus responden mengikut keputusan SPM. Seramai 67 orang pelajar bukan Melayu memilih keputusan SPM dari satu hingga enam A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dengan peratusan sebanyak 72.8%. Manakala, seramai 25 orang pelajar bukan Melayu mempunyai peratusan keputusan SPM sebanyak 27.2%. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar bukan Melayu memiliki keputusan SPM yang layak terutamanya sewaktu peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Melayu kerana mereka menunjukkan peratusan dan kekerapan berdasarkan rajah 5.



Rajah 6: Analisis Responden Mengikut Tempat Tinggal

Rajah 6 menunjukkan peratus responden mengikut tempat tinggal. Oleh itu, data rajah 6 menunjukkan seramai 57 orang pelajar bukan Melayu tinggal di luar bandar dengan peratusan sebanyak 62.0%. Seterusnya, daripada analisis di atas seramai 30 orang pelajar bukan Melayu tinggal di kawasan bandar dan mendapat peratusan sebanyak 32.6%. Bagi pelajar bukan Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman adalah seramai lima orang pelajar bukan Melayu IPGKTAA dengan peratusan sebanyak 5.4%. Hasil daripada analisis berikut, didapati tempat tinggal di kawasan luar bandar lebih tinggi kekerapannya berbanding kawasan penempatan di bandar dan pedalaman.



Rajah 7: Analisis Responden Mengikut Bahasa Pertuturan di Rumah

Dapatan dalam Rajah 7 berkaitan dengan bahasa pertuturan di rumah menunjukkan peratusan kepada soalan 'Bahasa Pertuturan di Rumah'. Seramai 41 orang pelajar memilih bahasa pertuturan daripada bahasa ibunda kaum masing-masing kerana responden bukan Melayu majoriti daripada pelajar Peribumi adalah seramai 47 orang dengan peratusan 44.6%. Seterusnya, sebanyak 29.3% daripada dapatan 27 orang pelajar Cina memilih bahasa pertuturan bahasa Cina sebagai medium pertuturan bahasa harian mereka. Manakala bahasa pertuturan daripada Bahasa Melayu dan bahasa Tamil mempunyai kekerapan dan peratusan yang sama iaitu seramai 12 orang pelajar bukan Melayu IPGKTAA memilih bahasa pertuturan Bahasa Melayu dan seramai 12 orang pelajar bukan Melayu yang lain telah memilih bahasa Tamil. Dapatan kekerapan dan peratusan bahasa pertuturan Bahasa Melayu ialah pilihan daripada pelajar peribumi yang menggunakan medium pertuturan Bahasa Melayu apabila bertutur di rumah dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian mereka.

DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah dapatan kajian bagi menjawab dua soalan kajian berkaitan sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

Analisis Dapatan Pertama:

Apakah Tahap Sikap Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu?

Berdasarkan lima pilihan skor skala likert, tahap sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu telah dianalisis mengikut tiga tahap utama nilai min dengan merujuk daripada kajian (Landell, 1997; Nurulhuda; 2015, Mohammad Azri Amatan & Crispina Gregory K Han, 2019). Terdapat tiga tahap utama nilai min, iaitu 1.00-2.59 (rendah), 2.60-2.99 (sederhana) dan 3.00-4.00 (tinggi). Analisis deskriptif menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item tahap sikap pelajar bukan Melayu dapat diteliti dalam jadual 1.

JADUAL 1

Tahap Sikap Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu

Bil	Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya selesa mengikuti kuliah Bahasa Melayu	92	4.00	0.000	Tinggi
2	Saya berminat mengikuti kuliah Bahasa Melayu secara bersemuka	92	4.41	0.666	Tinggi
3	Saya selalu membuat persediaan sebelum mengikuti kuliah Bahasa Melayu	92	3.95	0.776	Tinggi
4	Pengetahuan bahasa saya sudah memadai	92	3.57	1.020	Tinggi

5	Saya masih perlu mengikuti kursus Bahasa Melayu	92	4.45	0.732	Tinggi
6	Saya sentiasa membuat rujukan tatabahasa terkini	92	3.98	0.741	Tinggi
7	Saya selalu membaca kajian berkaitan Bahasa Melayu	92	3.76	0.817	Tinggi
8	Saya sentiasa berbincang dengan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu untuk mengatasi kelemahan berkaitan Bahasa Melayu	92	3.49	0.908	Tinggi
9	Saya sentiasa berbincang dengan rakan berkaitan masalah Bahasa Melayu	92	3.98	0.812	Tinggi
10	Saya selalu menganalisis pencapaian sendiri berkaitan Bahasa Melayu	92	4.12	0.796	Tinggi
11	Saya membuat tindakan susulan berkaitan kelemahan diri dalam berbahasa Melayu	92	4.08	0.788	Tinggi
Purata		92	3.99	0.458	Tinggi

Berdasarkan Jadual 1, menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar bukan Melayu pada tahap tinggi dengan nilai purata min konstruk ialah 3.99 dan nilai sisihan piawai 0.458. Dapatan ini menunjukkan bahawa data tahap sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Kesemua item pada konstruk ini berada pada tahap tinggi dengan nilai min antara 3.00 hingga 4.00. Item (1) Saya selesa mengikuti kuliah Bahasa Melayu ($\mu=4.00$, S.P.=0.000), diikuti item (2) Saya berminat mengikuti kuliah Bahasa Melayu secara ($\mu=4.41$, S.P.=0.666), item (3) Saya selalu membuat persediaan sebelum mengikuti kuliah Bahasa Melayu ($\mu=3.95$, S.P.=0.776), item (4) Pengetahuan bahasa saya sudah memadai ($\mu=3.57$, S.P.=1.020), item (5) Saya masih perlu mengikuti kursus Bahasa Melayu ($\mu=4.45$, S.P.=0.732), item (6) Saya sentiasa membuat rujukan tatabahasa terkini ($\mu=3.98$, S.P.=0.741), item (7) Saya selalu membaca kajian berkaitan Bahasa Melayu ($\mu=3.76$, S.P.=0.817), item (8) Saya sentiasa berbincang dengan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu untuk mengatasi kelemahan berkaitan Bahasa Melayu ($\mu=3.49$, S.P.=0.908), item (9) Saya sentiasa berbincang dengan rakan berkaitan masalah Bahasa Melayu ($\mu=3.98$, S.P.=0.812), item (10) Saya selalu menganalisis pencapaian sendiri berkaitan Bahasa Melayu ($\mu=4.12$, S.P.=0.796), item (11) Saya membuat tindakan susulan berkaitan kelemahan diri dalam berbahasa Melayu ($\mu=4.08$, S.P.=0.788).

Melalui dapatan kajian ini, item yang mendapat nilai min yang tertinggi iaitu ($\mu=4.45$, S.P. =0.732) ialah item (5) Saya masih perlu mengikuti kursus Bahasa Melayu. Manakala item yang mendapat nilai min yang rendah ($\mu=3.49$, S.P. = 0.908), iaitu item (8) Saya sentiasa berbincang dengan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu untuk mengatasi kelemahan berkaitan Bahasa Melayu.

Analisis Dapatan Kedua:

Apakah Masalah Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu?

JADUAL 2

Masalah Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu

Bil	Item	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
Jenis Masalah (berkaitan dengan pelajar)					
1	Pelajar sukar menguasai Bahasa Melayu	92	3.21	1.064	Tinggi
2	Pengaruh dialek / bahasa ibunda	92	3.91	1.002	Tinggi
3	Kurang motivasi	92	3.65	1.053	Tinggi
4	Kurang berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu	92	3.88	1.194	Tinggi
5	Kurang membaca bahan bacaan Bahasa Melayu	92	3.71	1.254	Tinggi
Jenis Masalah (berkaitan dengan pensyarah)					
6	Kurang menerapkan pedagogi terkini	92	3.27	1.028	Tinggi
7	Tidak menguasai isi kandungan subjek Bahasa Melayu dengan mendalam	92	3.08	0.997	Tinggi
8	Kurang bahan rujukan terkini tentang perubahan tatabahasa Bahasa Melayu	92	3.23	1.090	Tinggi
9	Pengajaran secara sehalu	92	3.29	1.095	Tinggi
10	Sukar memahami kehendak pelajar	92	3.37	1.035	Tinggi

Jenis Masalah (berkaitan dengan prasarana)					
11	Tiada kemudahan bahan PdP seperti LCD, komputer dan lain-lain	92	3.14	1.210	Tinggi
12	Kelas tidak kondusif	92	3.29	1.144	Tinggi
13	Bahan sumber rujukan terhad dan tidak terkini di pusat sumber	92	3.75	1.086	Tinggi
14	Rangkaian internet kurang memuaskan	92	4.00	1.069	Tinggi
15	Kemudahan di luar bilik darjah tidak memuaskan	92	3.62	1.088	Tinggi
Purata		92	3.493	0.722	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu yang tinggi dengan nilai purata min konstruk ialah 3.493 dan nilai sisihan piawai 0.722. Perkara ini menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Kesemua item pada konstruk ini berada pada tahap tinggi dengan nilai min antara 3.00 hingga 4.00. Item (1) Pelajar sukar menguasai Bahasa Melayu ($\mu=3.21$, S.P.= 1.064), diikuti item (2) Pengaruh dialek / bahasa ibunda ($\mu=3.91$, S.P.= 1.002), item (3) Kurang motivasi ($\mu=3.65$, S.P.= 1.053), item (4) Kurang berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu ($\mu=3.88$, S.P.= 1.194), item (5) Kurang membaca bahan bacaan Bahasa Melayu ($\mu=3.71$, S.P.= 1.254), item (6) Kurang menerapkan pedagogi terkini ($\mu=3.27$, S.P.= 1.028), item (7) Tidak menguasai isi kandungan subjek Bahasa Melayu dengan mendalam ($\mu=3.08$, S.P.= 0.997), item (8) Kurang bahan rujukan terkini tentang perubahan tatabahasa Bahasa Melayu ($\mu=3.23$, S.P.= 0.997), item (9) Pengajaran secara sehala ($\mu=3.29$, S.P.= 1.095), item (10) Sukar memahami kehendak pelajar ($\mu=3.37$, S.P.= 1.035), item (11) Tiada kemudahan bahan PdP seperti LCD, komputer dan lain-lain ($\mu=3.14$, S.P.= 1.210), item (12) Kelas tidak kondusif ($\mu=3.29$, S.P.= 1.144), item (13) Bahan sumber rujukan terhad dan tidak terkini di pusat sumber ($\mu=3.75$, S.P.= 1.086), item (14) Rangkaian internet kurang memuaskan ($\mu=4.00$, S.P.= 1.069) dan item (15) Kemudahan di luar bilik darjah tidak memuaskan ($\mu=3.62$, S.P.= 1.088). Merujuk dapatan kajian di atas, terdapat item yang berada pada tahap yang tinggi iaitu item (14) Rangkaian internet kurang memuaskan ($\mu=4.00$, S.P.= 1.069) manakala item yang berada pada tahap rendah merupakan item (7) Tidak menguasai isi kandungan ($\mu=3.08$, S.P.= 0.997).

Sikap Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu

Berdasarkan jadual 2, didapati pelajar bukan Melayu IPGKTAA menunjukkan sikap yang positif dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu, dengan skor min sebanyak 3.99. Oleh yang demikian, dapatan ini merupakan petanda yang positif serta menggalakkan. Malah, sebanyak 90% daripada pelajar bukan Melayu IPGKTAA menyatakan bahawa mereka selesa mengikuti kuliah Bahasa Melayu. Lebih daripada 50% pelajar bukan Melayu menunjukkan respons sangat setuju terhadap item (5). Seterusnya, pelajar bukan Melayu IPGKTAA juga menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Selain itu, didapati semua pelajar bukan Melayu IPGKTAA mengakui bahawa mereka selalu membuat persediaan dan rujukan tentang aspek tatabahasa. Selanjutnya, mereka juga selalu membuat analisis tentang pencapaian sendiri berkaitan Bahasa Melayu di samping berbincang dengan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu untuk mengatasi kelemahan berkaitan Bahasa Melayu dan mengadakan perbincangan dengan rakan berkaitan masalah Bahasa Melayu untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

Masalah Pelajar Bukan Melayu IPGKTAA dalam Pembelajaran Kursus Teras Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid bukan Melayu IPGKTAA menghadapi masalah utama yang berkaitan dengan diri mereka sendiri. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah gangguan dialek dan bahasa ibunda masing-masing. Masalah ini bukan sahaja boleh menjejaskan pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu tetapi terbawa-bawa sewaktu komunikasi lisan dan aktiviti penulisan. Dalam hal ini, kurang berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu akan menyebabkan murid hilang minat untuk menuturkannya serta akan menyumbang masalah tentang kurang motivasi untuk mengikuti pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

Masalah yang paling ketara mengenai prasarana ialah rangkaian internet kurang memuaskan. Capaian internet yang rendah akan menyebabkan pelajar sukar mengakses maklumat bagi memudahkan mereka mengikuti pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Keadaan ini diburukkan lagi kerana bahan sumber rujukan terhad dan tidak terkini di pusat sumber. Oleh yang demikian, capaian internet yang kurang memuaskan dan kekurangan sumber rujukan terkini di pusat sumber menyumbang masalah dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Tambahan lagi, masalah berkaitan dengan pensyarah tercetus apabila pensyarah sukar memahami kehendak pelajar. Hal ini akan menyebabkan mereka mengasingkan diri serta kurang berminat untuk menanyakan soalan sewaktu mengikuti kuliah Bahasa Melayu. Perubahan bahasa juga menyebabkan pensyarah kurang mendapat pendedahan terkini sehingga menyebabkan mereka tidak dapat mengikutinya, misalnya dari segi perubahan ejaan dan istilah. Bahan-bahan bacaan yang dipasarkan hasil penulisan oleh ahli-ahli bahasa yang berbeza juga turut menyumbang kepada masalah dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa sikap positif yang dimiliki oleh pelajar bukan Melayu, dapat membantu meningkatkan penguasaan pemahaman dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Manakala, bagi pelajar bukan Melayu IPGKTAA yang mempunyai masalah, pencapaian mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu tidak memberangsangkan dan kurang cemerlang berbanding pelajar bukan Melayu yang mempunyai sikap positif serta kurang mempunyai masalah dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Peningkatan penguasaan dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu telah menunjukkan sikap positif dalam pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Kajian ini turut memberi implikasi kepada IPGM pensyarah dan pelajar bukan Melayu di IPGKTAA. Oleh yang demikian, kajian ini hanya dijalankan di IPGK Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis Pahang, skop kajian ini boleh diperluaskan dengan menambah bilangan IPG atau institusi pendidikan di seluruh Malaysia agar dapat memberi gambaran sebenar tentang sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGK dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian deskriptif. Lantaran itu, pengkaji mencadangkan agar dijalankan satu kajian berbentuk kualitatif bagi mengetahui secara mendalam tentang sikap dan masalah pelajar bukan Melayu dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Fadilla Layang & Zamri Mahamod. (2019). Tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan Motivasi Murid Bajau dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 24-33.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Uzir Zubir Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3, 82-91.
- Mohammad Azri Amatan & Crispina Gregory K Han. (2019). Pengaruh Persekitaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 301-331.
- Nancy Ngumbang. (2017). Sikap, Minat Dan Motivasi Murid Melanau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58.
- Ooi Chwee Hwa, & Vijayaletchumy Subramaniam, V. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Ulum Islamiyyah* 20 (April), 35-45.
- Siti Zahidah & Abdull Sukor Shaari. (2019). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Sikap Pelajar dan Masalah untuk Mengaplikasi Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (2), 1-10.